

Mah Sing beli tanah DBKL RM108 juta

KUALA LUMPUR: Mah Sing Properties Sdn Bhd anak syarikat milik penuh Mah Sing Group Bhd memeterai perjanjian jual beli bersyarat dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur (DBKL) untuk membeli sebidang tanah utama seluas 2.5 hektar di Taman Desa, di sini, pada RM108 juta.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, Mah Sing Group berkata cadangan pembangunan ke atas tanah itu dijangka mempunyai nilai pembangunan kasar RM1.01 bilion dan akan dilaksanakan dalam dua fasa.

Projek berkenaan yang dinamakan M Aspira akan terdiri daripada 1,600 unit kediaman di kawasan seluas 1.5 hektar dan penambahan 800 unit Residensi Madani di tapak seluas satu hektar dalam Taman Desa yang terletak di Jalan Klang Lama dan Lebuhraya Hubungan Timur-Barat.

Pembelian itu merupakan janji niaga tanah ketiga Mah Sing Group pada tahun ini.

- Mah Sing berkata, pembelian tersebut tidak dijangka memberi kesan ketara kepada pendapatan kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember ini, tetapi dijangka memberi sumbangan positif pada masa depan sementara menunggu pembangunan selesai pada separuh pertama 2025.

- Bernama